

**TEKS UCAPAN  
AMANAT TAHUN BARU 2020  
YBHG. DATO' HAJI ZAINAL AZMAN BIN ABU SEMAN  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

**PADA 6 JANUARI 2020  
DI DEWAN SERBAGUNA MOA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH  
DAN SALAM SEJAHTERA

YANG SAYA HORMATI SAUDARA PENGACARA MAJLIS

YANG BERHORMAT SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

YANG BERHORMAT TUAN SIM TZE TZIN  
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)

YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO' PENERUSI-  
PENERUSI, KETUA-KETUA PENGARAH JABATAN DAN  
AGENSI SRTA SETIAUSAHA-SETIAUSAHA BAHAGIAN DI  
BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN  
TERIMA KASIH KEPADA SEMUA WARGA MOA JUGA  
JABATAN DAN AGENSI KERANA DAPAT HADIR DAN  
BERKUMPUL DI MAJLIS PAGI INI BAGI KITA SAMA-SAMA  
MENDENGAR AMANAT DARI YB MENTERI SERTA  
MENINGKATKAN SEMANGAT KEKELUARGAAN SESAMA  
KITA. TERIMA KASIH DAN SEKALUNG PENGHARGAAN  
JUGA DIUCAPKAN KEPADA BAHAGIAN KHIDMAT  
PENGURUSAN MOA YANG TELAH MENGANJURKAN  
MAJLIS INI.

HADIRIN SEKALIAN,

2. DIKESEMPATAN INI RASANYA MASIH BELUM  
TERLAMBAT BAGI SAYA UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT  
TAHUN BARU 2020 KEPADA SEMUA. KEAZAMAN DAN  
KECEKALAN KITA DALAM MENGHARUNGI CABARAN  
SEPANJANG TAHUN 2019 YANG LALU DIHARAP DAPAT

MENJADI PEMANGKIN UNTUK KITA TERUS BERUSAHA DENGAN LEBIH KUAT LAGI. CABARAN DAN DUGAAN YANG BAKAL KITA HADAPI BUKANLAH HALANGAN UNTUK KITA TERUS MAJU DAN MENGECAPI KEJAYAAN.

3. SAYA JUGA BERSYUKUR KERANA SAYA MEMPUNYAI BARISAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG BERWIBAWA DAN BERWAWASAN YANG SANGGUP JATUH DAN BANGUN BERSAMA SAYA BAGI MEMASTIKAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI YANG DITERAJUI OLEH YB DATO' SERI TERUS RELAVAN DAN DIPANDANG TINGGI OLEH SEMUA ORANG. SAYA TIDAK MUNGKIN BOLEH MELAKUKAN SEORANG DIRI TANPA SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH DATO' SERI.

4. SEBAGAI PENJAWAT AWAM KITA ADALAH PENGGERAK UTAMA DASAR TRANSFORMASI NEGARA DI MANA BERJAYA ATAU GAGAL DASAR ITU BERGANTUNG KEPADA SEJAUH MANA PENJAWAT AWAM MELAKSANAKAN TUGAS SECARA CEKAP DAN BERKESAN.

5. UNTUK ITU MARILAH KITA BERTEKAD UNTUK TERUS BERUSAHA MEMARTABATKAN PERKHIDMATAN AWAM DAN MENINGKATKAN ILTIZAM UNTUK MEMBERI

PERKHIDMATAN YANG TERBAIK DAN MESRA KEPADA ORANG RAMAI.

HADIRIN SEKALIAN,

6. KEPIMPINAN TERTINGGI NEGARA INI SENTIASA MEMBERI INGATAN KEPADA PENJAWAT AWAM AGAR BERUSAHA MENGURANGKAN KARENAH BIROKRASI, MEMBANTERAS RASUAH DAN SALAH GUNA KUASA, MELAYANI PELANGGAN DENGAN CARA BERHEMAH, BERBUDI BAHASA DAN BERSOPAN SANTUN, MEMPUNYAI SIKAP PRIHATIN KEPADA GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN, MEMPERCEPATKAN PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN SERTA MENGAMALKAN TADBIR URUS SERTA INTEGRITI DALAM TUGASAN.

7. APABILA KITA SECARA KOLEKTIF MENINGKATKAN TAHAP PERKHIDMATAN, MANFAATNYA AKAN DINIKMATI OLEH KITA JUGA. INI KERANA KITA JUGA ADALAH PELANGGAN DALAM URUSAN SEHARIAN KITA.

8. SEMPENA MAJLIS AMANAT YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI PAGI INI, SAYA RASA TAK PERLULAH UNTUK SAYA BERCAKAP PANJANG LEBAR. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENDENGAR AMANAT TAHUN

2020 YANG AKAN DISAMPAIKAN OLEH YB DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB, MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

9. AKHIR SEKALI SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT BERTUGAS DAN TERUSKAN KECEMERLANGAN ANDA AGAR KITA TERUS DIPANDANG HEBAT DI MATA MASYARAKAT DAN SEKALI LAGI SAYA UCAPKAN 'SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU'.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

6 JANUARI 2020